

Apakah IDEA Untuk Buatkan SESI Temuduga Anda Lebih APPEALING

Normally, bila sesi temuduga itu berlansung.

Ia akan berlaku seperti...

Si Penemuduga akan tanya, dan anda dengan pegunnya akan menjawab.

Penemuduga : Kenalkan diri awak...

Orang Yg Nak Cari Kerja : Ya, nama saya Syed, saya 28 tahun, sebelum ni kerja di sekian sekian, graduate daripada U sekian sekian and bla bla..

Penemuduga : Kongsikan pengalaman kerja awak.

Orang Yg Nak Cari Kerja : So di tempat kerja lama, saya sebagai technician. Di sana, ada lebih kurang dalam 5 6 machine, dan setiap machine akan punyai tujuan atau process untuk product tertentu, seperti contoh, machine 1, tujuannya untuk bla bla.

Machine 1 ni, normally, problemnya seperti bearing yang selalu pecah, dan bla bla.

Tamat..

Ok, so itu normally proses interview yang akan berlaku.

Betul tak?

Betul lah tu?

Agak agak, apa expectation si Penemuduga dengan korang semua? Sudah pasti adalah lebih tak kurang sama dengan orang lain

juga kan.

So dalam article ni saya nak kongsi bagaimana anda boleh lebih stand out kan lagi kebolehan dan keyakinan masa sesi temuduga anda nanti.

Setakat ni, ada 2 teknik..

InsyaAllah, kalau anda gunakan 2 teknik ini, temuduga anda akan jauh lebih baik daripada apa yang biasa orang lain buat.

Pertama.

Bawa Laptop atau barang barang lain....

Jangan sekat tool untuk sesi temuduga tu, antara :

1. Anda
2. Si penemuduga 1
3. Si penemuduga 2
4. Si penemuduga 3 (biasanya 3 orang lah)
5. Dan juga [paper resume](#) anda...

So jangan sekat 5 perkara ini sahaja. Kalau anda interview untuk pereka graphic, atau nak tunjukkan anda ni tahu guna Autocad atau pun solidwork. Atau pun apa apa sahaja yang seperti contohnya boleh untuk ditunjukkan menggunakan laptop.

Kenapa pula tak bawa laptop kan? On kan sahaja, dan tunjukkan terus.

Daripada duk cerita yang anda pandai dan ada pengalaman design itu ini, bawa laptop tunjuk terus apa yang sudah anda buat.

Bila ini berlaku, kepercayaan akan kebolehan anda tu sudah pasti akan lebih baik.

Kalau tak rasa laptop ini relate dengan anda, saya ada plan share share untuk yang lain juga di bawah.

Katakan anda jururawat..

Mungkin boleh tunjuk smartphone, showcasekan dengan gambar gambar yang anda snap masa bekerja di tempat lama.

Tapi lagi baik juga, kalau anda A4 kan terus gambar tu kan.

Selain itu, kalau anda technician machine pun boleh juga tunjukkan gambar gambar lain yang berkaitan.

Ok, itu yang pertama. Untuk lain fikirkan sendiri ya. Cuba pelbagai kan.

Yang penting, motif saya, jangan biarkan 5 perkara itu sahaja untuk anda interview. Kalau perlu untuk anda bawa laptop tunjukkan kebolehan anda, why not kan.

Cewah why not why not plak.

Laptop battery tak tahan lama?

Itu bukan salah idea saya, itu salah anda yang tak pandai jaga battery laptop, lain kalau ON laptop, jangan lupa tanggal battery.

Yang kedua, iaitu yang terakhir..

Yang Ke 2 – Draw lah sikit...

Draw atau sketch macam itu lah.

Idea no 2 ni ibarat macam no 1 juga. Kiranya saya nak pelbagaikan cara kita present kan diri.

Tapi saya yakin nilai kepercayaan anda pada Si Penemuduga ni akan lebih baik juga.

Benda ni saya perasan masa interview saya yang paling terakhir masa time saya buat post ni lah.

Masa tu, si penemuduga tanya saya...

Minta ceritakan pengalaman awak di tempat kerja.

So saya pun ceritalah, basic sikit process product kilang lama saya tu..

Dari awal, sampai akhir saya cerita.

Bila dah cerita dari awal sampai akhir, mesti lah melibatkan banyak machine, dan banyak juga proses.

Untuk saya kongsikan verbally satu persatu proses benda ni akan buat saya teragak-agak juga tau. Dengan bahasa inggeris nya lagi..

Seperti contoh..

Bila product mula masuk ke department saya, machine pertama yang akan masuk ialah machine A, machine A tujuannya untuk bla bla.

Selepas tu akan masuk machine B, untuk bla bla..

Product yang lepas, akan terus masuk atau proceed process ke machine C.

Selepas tu D, E, F dan sampai J.

Tapi katakan bila dah sampai J akan ada defect, product ini akan berpatah balik ke Machine A.

Sekian..

Itu contoh sahaja tau, tak perlulah saya ceritakan apa yang berlaku sebenar.

Tapi ceritanya, kalau anda perasan, mungkin nampak mudah bila saya cakap kalau ada defect proses akan berpatah balik ke Machine A.

Itu memang nampak senang, sebab saya dalam keadaan tenang. Kalau temuduga betul betul mesti akan nervous. Dan paling teruk, bila anda sendiri pula lupa, proses mana yang nak mula

patah balik.

Tapi, kalau dari awal kita buat sketching, pasti presentation tu akan lebih baik.

Betul tak?

Kiranya, saya lukis, exact template seperti kedudukan machine semua. Benda ni pun akan lebih buat penceritaan anda tu akan lebih lancar.



Contoh lukisan yang saya maksudkan. Ini saya lukis guna paint ni. Anda lukis nanti guna pen on a4 je lah.

Alright?

So harap jelas lah dengan apa yang saya nak kongsi ni ya.

Atau mungkin anda ada idea idea lain yang kita sama sama boleh share?